



PEJABAT YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

BIL.38/2022

MALAYSIA DAN INDONESIA WAJAR AKRAB

KUALA LUMPUR, 11 Oktober – Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim telah menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Indonesia, Hermono di Parlimen hari ini.

Antara yang dibincangkan pada pertemuan tersebut ialah mengenai hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia. Menurut Tan Sri Rais, hubungan antara kedua negara tersebut disifatkan terlalu istimewa dan telah lama terjalin sejak sekian lama.

“Hubungan antara Indonesia dan Malaysia boleh terjalin akrab menerusi sosiobudaya, kebahasaan, kesusasteraan dan kesenian. Justeru kerjasama dan kesepakatan menerusi rundingan antara kedua pihak wajar diteruskan”, kata Tan Sri Rais. -TAMAT

11 Oktober 2022
Parlimen Malaysia
Kuala Lumpur



